



SIARAN MEDIA

TRADISI RAMADAN: WARGA KPKT DISANTUNI, SEMANGAT MUHIBAH DIPERKUKUH

PUTRAJAYA, 11 Mac 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneruskan amalan kerajaan MADANI dan tidak melepaskan peluang untuk menyantuni warga KPKT pada bulan Ramadan menerusi **Program Sentuhan Kasih Ramadan KPKT**.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming, berkata “setiap perayaan merupakan suatu peluang bagi mengeratkan silaturrahim serta memupuk semangat muhibah dan perpaduan dalam kepelbagaian dalam kalangan warga kementerian”.

“Di KPKT, kami mengambil inisiatif untuk menyambut semua perayaan utama di negara ini bersama masyarakat majmuk seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan Krismas kerana semangat kebersamaan yang kita rasai pada setiap perayaan di negara ini membawa erti yang mendalam kepada kita semua sebagai anak Malaysia. Semoga kemuliaan dan keberkatan yang dirasai pada bulan Ramadan ini dapat dikongsi antara satu sama lain,” kata beliau.

Pada majlis tersebut, beliau bersama pengurusan tertinggi KPKT turut menyempurnakan penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri berupa wang tunai dan bakul bantuan kepada 108 warga KPKT yang ada keperluan.

Inisiatif yang diterajui oleh Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) serta Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) ini bertujuan meringankan beban kakitangan KPKT dalam persiapan menyambut Hari Raya.

Majlis turut diisi dengan Sesi Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Ustaz Syahmi Syazeril bin Azmi dari Tadabbur Centre Sdn. Bhd, sesi Tadarus Al-Quran, pengisian kerohanian serta sesi Penyampaian Hadiah Dekorasi Ramadan KPKT 1447H kepada warga kementerian yang berjaya menceriaikan suasana di pejabat sepanjang bulan Ramadan.

Terdahulu, sebelum Program Sentuhan Kasih Ramasan KPKT bermula, YB Nga Kor Ming turut mengambil kesempatan untuk berkunjung ke setiap jabatan dan bahagian di KPKT bagi mengedarkan buah kurma dan bubur lambuk kepada warga kementerian yang menunaikan ibadah puasa.

Program hari ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta barisan pengurusan tertinggi kementerian dan agensi di bawah KPKT.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T